



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (28 JULAI 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **dua puluh lima (25) kes** positif COVID-19 dilaporkan. Daripada jumlah itu, Daerah Kuching (21) kes, Daerah Serian (2) kes, Daerah Samarahan (1) kes dan Daerah Lundu (1) kes. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak sebanyak **675** kes.

#### **A. Kes Melibatkan Pelawat dari Luar Negara (4 kes)**

Pada hari ini terdapat empat (4) kes baharu dilaporkan melibatkan pelawat yang datang atau baru balik dari luar negara.

**Kes pertama (1) dan kedua (2)**, merupakan sepasang suami isteri bukan warganegara yang baru balik dari United Kingdom pada 23 Julai 2020, transit di Doha, Qatar sebelum meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur pada 24 Julai 2020 dan masuk ke Sarawak melalui KIA Kuching pada 25 Julai 2020. Kedua-dua mereka telah menjalani ujian rT-PCR COVID-19 di KLIA pada 24 Julai 2020 tetapi didapati negatif. Ujian saringan rT-PCR kedua-dua kes didapati positif pada 27 Julai 2020 semasa mereka menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin hotel di Kuching. Kedua-dua mereka juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

**Kes ke-3**, merupakan seorang pelajar perempuan warganegara tempatan yang balik dari Korea Selatan pada 11 Julai 2020 ke Kuala Lumpur dan balik ke Kuching pada 25 Julai 2020. Ujian saringan awal kes di KLIA menggunakan RTK Antigen pada 11 Julai 2020 adalah negatif COVID-19. Saringan rT-PCR kes pada hari kedua semasa berada dalam kuarantin hotel di Kuching pada 26 Julai 2020 didapati positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

**Kes ke-4**, merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja di Amerika Selatan dan telah balik ke Kuala Lumpur melalui London dan Abu Dhabi pada 23 Julai 2020 dan sampai di Kuala Lumpur pada 25 Julai 2020. Saringan RTK Antigen beliau pada 25 Julai 2020 juga didapati negatif. Saringan rT-PCR kes pada hari kedua semasa berada dalam kuarantin hotel di Kuching pada 26 Julai 2020 didapati positif COVID-19. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

#### **B. Saringan Rawak di Pintu Masuk Antarabangsa (1 kes).**

**Satu (1)** kes melibatkan seorang lelaki warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan balik dari Kuala Lumpur pada 14 Julai 2020. Kes telah dipilih secara rawak untuk menjalani saringan pada hari ke-10 pada 25 Julai 2020 di sebuah Klinik Kesihatan Kerajaan dan ujian saringan rT-PCR COVID-19 beliau didapati positif COVID-19 pada 27 Julai 2020. Kes juga mempunyai sejarah perjalanan melawat Miri dan Sibu pada 29 Jun 2020 dan 24 Julai 2020. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

### **C. Kes saringan rawak Petugas Kesihatan (1 kes)**

**Satu (1)** kes melibatkan seorang petugas kesihatan di sebuah fasiliti di Lundu. Kes telah diambil swab setelah kes membuat pengisytiharan pernah melawat tempat wabak di dalam sistem saringan kendiri di tempat beliau bekerja. Sampel swab untuk ujian rT-PCR telah diambil pada 27 Julai 2020 dan didapati positif COVID-19 pada hari yang sama. Punca jangkitan masih dalam siasatan dan pengesanan kontak kes ini masih dijalankan.

### **D. Kes Saringan Kontak kepada Kluster yang masih aktif (15 kes)**

Terdapat 15 kes baharu dilaporkan melibatkan saringan kontak kepada kluster yang masih aktif.

- i) **Sembilan (9)** kes merupakan kes yang dikesan hasil pengesanan kontak yang melibatkan kes-kes yang telah dikenalpasti di dalam Kluster Sentosa. Mereka ini terdiri daripada enam (6) orang lelaki dan tiga (3) perempuan melibatkan seorang petugas kesihatan, dua orang pekerja swasta di fasiliti tersebut dan enam orang kontak sosial. Kesemua mereka ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.
- ii) **Empat (4)** kes melibatkan kontak kepada kes positif yang telah dikenal pasti di dalam kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching. Mereka ini adalah rakan tempat kerja dan ahli keluarga (bapa dan anak) kepada kes Ke-631. Kesemua mereka ini adalah warganegara tempatan yang berumur diantara 6 hingga 72 tahun.

- iii) **Satu (1)** kes merupakan seorang warganegara yang disaring kerana beliau adalah kontak rapat di dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuching pada 15 Julai 2020 iaitu penerbangan yang melibatkan Kluster PUI Melbourne.

#### **E. Kes melibatkan Saringan pasar (4 kes)**

Terdapat **empat (4)** kes baharu dikesan melalui saringan di pasar di Kuching. Kesemua mereka ini merupakan peniaga yang menjalankan perniagaan di pasar Satok, Kuching yang telah menjalani saringan pada 25 dan 26 Julai 2020. Punca dan pengesahan semua kontak kes-kes ini sedang giat dijalankan.

#### **F. Kluster COVID-19 yang baharu.**

Pada hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin memaklumkan bahawa terdapat satu (1) kluster baharu telah dikesan setelah empat (4) kes baharu dikesan hasil aktiviti saringan aktif melibatkan para peniaga di pasar besar. Kluster ini ialah Kluster Pasar Satok, Kuching.

Pada 25 dan 26 Julai 2020, saringan aktif COVID-19 telah dijalankan di Pasar Satok, Kuching melibatkan seramai 229 orang. Daripada jumlah yang disaring tersebut, seramai empat (4) orang telah didapati positif ujian rT-PCR COVID-19 pada 27 Julai 2020. Kesemua kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Indeks kes kepada kluster ini dan kontak kepada kes-kes masih dalam siasatan.

## **G. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Pada hari ini, seramai 15 kes baharu telah dilaporkan yang melibatkan kluster-kluster yang masih aktif dan empat (4) kes melibatkan kluster baharu iaitu itu Kluster Pasar Satok. Ini menjadikan jumlah kluster yang masih aktif di Sarawak ialah sebanyak 10 kluster dan Sembilan (9) kluster dilaporkan di Daerah Kuching dan satu (1) di Daerah Bintulu.

Setakat hari ini, terdapat **sepuluh (10)** kluster yang masih aktif iaitu:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraaan: **penambahan satu (1) kes menjadikan jumlah lapan (8) kes**
- b) Kluster Mambong: **penambahan satu (1) kes menjadikan jumlah enam (6) kes**
- c) Kluster Pusat Perubatan: kekal tiga (3) kes
- d) Kluster Jupiter: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Stutong: kekal tujuh (7) kes
- f) Kluster Jeti Kuching: kekal dua (2) kes
- g) Kluster Sentosa: **penambahan sembilan (9) kes menjadikan jumlah 30 kes**
- h) Kluster PUI Melbourne: **penambahan satu (1) kes menjadikan jumlah tiga (3) kes**
- i) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- j) Kluster Pasar Satok: **kluster baharu melibatkan empat (4) kes**

Dimaklumkan juga **satu (1) kes** baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **564** orang atau **83.56%**.

Seramai **92 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian **19 orang atau 2.81%**.

Hari ini sebanyak **39 PUI** baru dilaporkan dan **3 kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. STATUS DAERAH KUCHING BERTUKAR MERAH**

Hari ini Daerah Kuching telah bertukar daripada status Kuning kepada status Merah setelah 16 kes tempatan baharu dilaporkan menjadikan jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas ialah **53 kes** di Daerah Kuching.

Manakala Daerah Serian juga telah bertukar status daripada status Hijau kepada status Kuning apabila dua (2) kes tempatan baru dilaporkan di Daerah Serian. Daerah Lundu juga telah bertukar status daripada status hijau kepada status kuning apabila satu (1) kes tempatan baru dilaporkan di daerah tersebut. Daerah Bau kekal Kuning dengan satu (1) kes tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Ini menjadi di jumlah daerah berstatus Merah di Sarawak ialah satu (1) iaitu Daerah Kuching dan yang berstatus Kuning sebanyak empat (4) buah iaitu

Daerah Samarahan, Serian, Bau dan Lundu. Daerah yang masih berstatus hijau ialah sejumlah 35 buah daerah.

### **3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

We would like to reemphasize that the regulation of reduced hours of businesses to 6:00am to 10:00pm only applies in **ZONE 1 (Kuching, Samarahan and Serian)** from the 1st of August to 14th August 2020.

It is indeed very sad that we have to yet again impose such a ban. We understand that businesses will be badly affected by this ban, but it is necessary for us to control the spread.

The SDMC are working very hard with relevant agencies and industry players to find a balance between the health of the Rakyat and the economic health of our fellow Sarawakian.

The authorities are trying their level best to exert control over the spread of the disease to protect every one of us.

Therefore, I beg everyone, to understand and to bear with us. We are implementing policies and SOPs to protect everyone.

We would like to thank those who are making sacrifices to meet the same goal in cutting the chain and flattening the curve. The war is not over, let's stay vigilant and stay safe.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah memutuskan beberapa perkara seperti berikut:

**A. Ujian RT-PCR untuk kemasukan ke Sarawak dari Luar Negara untuk Warganegara Asing**

Semua bukan warganegara Malaysia yang ingin masuk ke Sarawak dari Luar Negara, tidak diperlukan untuk mendapat ujian RT-PCR 3 hari sebelum berlepas dari negara asal. Setibanya di Sarawak, mereka akan di kuarantin selama 14 hari dan di ambil ujian RT-PCR pada hari ke-2 dan hari ke-10. Kos Kuarantin dan Ujian RT-PCR adalah di atas tanggungan sendiri

**B. Garis Panduan Kemasukan ke Sarawak bagi Pekerja Industri Minyak dan Gas**

**Untuk *Sign On*:**

Bagi warganegara Malaysia dari Semenanjung/Labuan/Sabah dan warganegara asing, mereka akan dimasukkan ke pusat kuarantin untuk 14 hari. Ujian RT-PCR akan diambil pada hari ke-2 dan ke-10. Sekiranya negatif, mereka akan dibenarkan untuk ke pelantar. Kos Kuarantin dan ujian RT-PCR adalah dibawah tanggungan majikan.

### **Untuk *Sign Off*:**

Bagi Warganegara Malaysia dari Semenanjung/Labuan/Sabah, mereka akan dimasukkan ke pusat kuarantin dan ujian RT-PCR akan diambil pada hari ke-2. Sekiranya negatif, mereka akan dibenarkan balik tanpa perlu menyambung baki kuarantin. Kos bagi Rakyat sarawak akan ditanggung oleh pihak kerajaan Sarawak manakal bagi bukan rakyat Sarawak, adalah di atas tanggungan sendiri.

Bagi Warganegara asing *sign off* dari luar negara, mereka akan melalui proses kuarantin seperti sedia ada. bagi yang sign off dari dalam Malaysia, mereka akan dikuarantin sementara menunggu keputusan ujian RT-PCR. Kos kuarantin dan ujian adalah di atas tanggungan sendiri.

### **4. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **11 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) iaitu di Miri (8), Serian (1), Sarikei (1) dan Bau (1).

### **5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian topeng muka di tempat awam.

Hari ini sebanyak **1,962 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (446), Restoran (403), Kilang (14), Bank (155), Pejabat Kerajaan (77), Penjaja

(51), Pasar Tani/Awam (86), Tempat Ibadah (54), Tempat Riadah (62), Tapak Pembinaan (15) dan lain-lain (599).

Seramai **676 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (346), ATM (42), RELA (137), APM (102), PBT (43) dan Lain-lain agensi (6).

## **6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,252** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **7. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

**S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**28 JULAI 2020**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	650	Kes sedang dirawat di hospital	92	13.63%
Kes Baharu	25	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	64,043	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	675	Jumlah kes kematian	19	2.81%
IR per 100,000 penduduk	21.88	Kes telah sembuh dan discaj	564	83.56%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	13		39	8,945
Menunggu keputusan	3		3	

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	87	0	4	0	1	92
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	0	1
	Kumulatif	477	33	23	31	564
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	0	19

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

### DAERAH MERAH (1)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	30	5,813	21	418	0	336	0	12	70	72	53
	Jumlah	30	5813	21	418	0	336	0	12	70	72	53

### DAERAH KUNING (4)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	2	299	2	23	0	21	0	0	2	2	2
2	Lundu	1	241	1	3	0	1	0	0	2	2	1
3	Bau	0	161	0	6	0	5	0	0	1	1	1
4	Samarahan	1	540	1	112	1	95	0	4	13	14	12
	Jumlah	4	1241	4	144	1	122	0	4	18	19	16

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (35)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Bintulu	0	270	0	27	0	23	0	0	4	3	0
2	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0	0
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
5	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
6	Limbang	0	29	0	9	0	8	0	1	0	0	0
7	Miri	3	809	0	23	0	22	0	1	0	0	0
8	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0	0
9	Sri Aman	0	46	0	3	0	2	0	1	0	0	0
10	Betong	0	185	0	16	0	16	0	0	0	0	0
11	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Mukah	1	40	0	1	0	1	0	0	0	0	0
13	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
15	Sarawak	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Kapit	1	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>	<b>1,891</b>	<b>0</b>	<b>113</b>	<b>0</b>	<b>106</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>39</b>	<b>8,945</b>	<b>25</b>	<b>675</b>	<b>1</b>	<b>564</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>92</b>	<b>94</b>	<b>69</b>
---------------------	-----------	--------------	-----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>		0	191	22 June, 2020
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>		0	115	10 June, 2020
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	191	3 June, 2020
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020
2i	Sporadik				
	i) Betong	6			15 May, 2020
	ii) Samarahan	1			2 May, 2020
	iii) Serian	1			6 June, 2020
	iv) Kuching	9			12 May, 2020
	v) Bintulu	2			18 April, 2020
	vi) Miri	8			24 May, 2020
	vii) Mukah	2			13 April, 2020
	viii) Limbang	2			26 May, 2020
3	<b>Kluster PUI Itali</b>		0	65	30 May, 2020
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>		0	68	6 June, 2020
5	<b>Kluster Kidurong</b>		0	8	19 July, 2020
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>		0	3	22 July, 2020
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>		4	8	Active
8	<b>Kluster Mambong</b>		1	6	Active
9	<b>Kluster Jupiter</b>		0	3	Active
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>		0	3	Active
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>		0	7	Active
12	<b>Kluster Jeti</b>		0	2	Active
13	<b>Kluster Sentosa</b>		11	30	Active
14	<b>Kluster PUI Melbourne</b>		1	3	Active
15	<b>Kluster Syarikat Pembinaan Kuching</b>		0	2	Active
16	<b>Kluster Pasar Satok</b>		4	4	Active
17	<b>Kluster-kluster kecil</b>		0	63	-
18	<b>Sporadik kes</b>		1	56	-
19	<b>Kes import dari luar negara</b>		2	37	-
20	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>		1	1	-
<b>Jumlah</b>			25	675	

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **77 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **673 orang**.

Manakala seramai **19,203 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 28.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (396)	Harbour View	100
2		Riverside (Astana Wing)	153
3		Hock Lee	143
4	Miri (111)	Eastwood Valley	47
5		Meritz	64
6	Bintulu (34)	Wasan Inn	14
7		Motel Kapok	16
8		Faber Inn	4
9	Limbang (21)	Purnama	15
10		Mandarin (Lawas)	6
11	Sibu (111)	Premier	111
<b>Jumlah PUS</b>			<b>673</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **7 lokasi di Kuching (5) dan Sibu (2)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,420 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 28.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	449
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	106
5	Sibu	110
6	Sarikei	99
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	47
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,420</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **31 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 28.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MP Sibu	10
5	MB Miri	4
6	MD Marudi	5
7	MD Lawas	2
<b>Jumlah</b>		<b>31</b>